

11/08/1997

Siladjic, Botic tiba untuk lawatan rasmi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia-Herzegovina, Dr Haris Siladjic dan Boro Botic, tiba di sini untuk memulakan lawatan rasmi selama lima hari bermula hari ini.

Kedua-dua pemimpin tertinggi Bosnia-Herzegovina datang ke negara ini atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha mengukuhkan kerjasama dan hubungan kedua-dua negara.

Siladjic yang diiringi Menteri Perdagangan Luarnya, Hasan Muratovic, tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang kira-kira jam 4.50 petang dengan disambut wakil khas Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Kamel Jaafar, dan Duta Malaysia ke Bosnia, Rastam Mohd Isa.

Botic tiba di LTSAAS hampir sejam kemudian, disambut oleh Timbalan Menteri Pendidikan yang juga Menteri Pengiring, Datuk Khalid Yunus.

Dalam lawatan rasmi itu, kedua-dua pemimpin negara Balkan berkenaan dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir serta menghadap Yang Dipertuan Agong Tuanku Ja'afar.

(END)